



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

APRIL 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian terus meningkat sebanyak 6.1 peratus pada April 2024, didorong oleh pertumbuhan output sektor Pembuatan yang lebih tinggi

PUTRAJAYA, 10 JUN 2024 – Indeks Pengeluaran Perindustrian terus meningkat sebanyak 6.1 peratus tahun ke tahun pada April 2024, didorong oleh pertumbuhan output sektor Pembuatan yang lebih tinggi. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, April 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan IPP terus meningkat sebanyak 6.1 peratus pada April 2024 selepas mencatatkan 2.4 peratus pada bulan sebelumnya, mengekalkan momentum positif bagi empat bulan berturut-turut. Selain itu, IPP juga mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak September 2022 disokong oleh pengembangan dalam semua sektor pada bulan berkenaan. Pengeluaran sektor Pembuatan berkembang sebanyak 4.9 peratus (Mac 2024: 1.3%) manakala sektor Perlombongan merekodkan pertumbuhan kukuh 10.0 peratus (Mac 2024: 4.9%). Pada masa yang sama, pertumbuhan sektor Elektrik kekal stabil pada kadar 7.6 peratus (Mac 2024: 8.5%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP merosot 7.6 peratus berbanding pertumbuhan positif pada bulan sebelumnya."

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, "Peningkatan dalam output Pembuatan pada April 2024 disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport iaitu sebanyak 2.6 peratus berbanding 0.5 peratus yang direkodkan pada Mac 2024. Kenaikan tersebut diterajui terutamanya oleh Pembuatan kok & produk petroleum bertapis; dan Pembuatan kimia & produk kimia yang mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 5.9 peratus dan 5.0 peratus. Tambahan lagi, Pembuatan perabot juga mengalami lonjakan sebanyak 13.1 peratus pada bulan tersebut. Pengembangan tahun ke tahun ini adalah selari dengan prestasi eksport barangan perkilangan negara yang berkembang 7.1 peratus pada April 2024 (Mac 2024: 0.6%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport jatuh 11.6 peratus berbanding pertumbuhan 11.0 peratus pada Mac 2024.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik terus berkembang dengan mencatatkan 9.5 peratus berbanding 3.1 peratus pada Mac 2024. Peningkatan dalam industri berorientasikan domestik didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 20.2 peratus dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler; Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (12.8%); dan Pembuatan produk galian bukan logam lain (11.2%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik menurun 1.3 peratus (Mac 2024: 1.9%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Peningkatan 10.0 peratus dalam sektor Perlombongan pada April 2024 dipacu oleh pertumbuhan dua digit 14.9 peratus dalam pengeluaran Gas Asli (Mac 2024: 8.9%), manakala output Minyak Mentah & Kondensat pulih kepada 3.5 peratus (Mac 2024: -0.7%). Berbanding Mac 2024, indeks Perlombongan menyusut 6.3 peratus selepas mengalami pertumbuhan positif 5.3 peratus pada bulan sebelumnya. Pada masa yang sama, penjanaan Elektrik berkembang sebanyak 7.6 peratus tahun ke tahun pada April 2024 (Mac 2024: 8.5%). Perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik merosot 4.1 peratus berbanding positif 11.2 peratus yang direkodkan pada Mac 2024.”

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat pada April 2024 termasuk China, Korea Selatan, Vietnam, dan Thailand, dengan pertumbuhan kukuh dapat dilihat di Taiwan. Sebaliknya, Jepun dan Singapura terus mengalami trend kemerosotan pada April 2024, namun pada kadar negatif yang lebih kecil, manakala Amerika Syarikat kembali merosot dengan penurunan yang kecil.


Merumuskan prestasi IPP bagi tempoh Januari – April 2024, Ketua Perangkawan berkata, “IPP bertambah baik sebanyak 3.9 peratus berbanding 1.3 peratus yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pada tempoh tersebut, kesemua sektor mencatatkan pengembangan, iaitu indeks Perlombongan (6.9%); indeks Pembuatan (2.8%); dan indeks Elektrik (8.8%).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
April 2023 - April 2024**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
April 2023 - April 2024**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Mac 2024 dan April 2024**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, April 2023 - April 2024



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mac 2024 dan April 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mac 2024 dan April 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 JUN 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
APRIL 2024

The Industrial Production Index accelerated further by 6.1 per cent in April 2024, underpinned by higher output growth in the Manufacturing sector

PUTRAJAYA, 10 JUNE 2024 – The Industrial Production Index accelerated further by 6.1 per cent year-on-year in April 2024, underpinned by higher output growth in the Manufacturing sector. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, April 2024**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The IPI's growth accelerated further by 6.1 per cent in April 2024 after registering 2.4 per cent in the preceding month, sustaining a positive momentum for four consecutive months. In addition, IPI marked the highest growth registered since September 2022 bolstered by the expansion across all sectors during the month. The Manufacturing sector output rose by 4.9 per cent (March 2024: 1.3%), while the Mining sector posted a vigorous growth of 10.0 per cent (March 2024: 4.9%). In the meantime, the growth in the Electricity sector remained steady at a rate of 7.6 per cent (March 2024: 8.5%). In comparison with the preceding month, the IPI declined by 7.6 per cent, contrasting with the positive growth in the previous month."

The Chief Statistician further commented, "The increase in Manufacturing output in April 2024 was supported by higher production in export-oriented industries by 2.6 per cent as against 0.5 per cent recorded in March 2024. This upturn was primarily led by the Manufacture of coke & refined petroleum products; and the Manufacture of chemicals & chemical products, which registered increases of 5.9 per cent and 5.0 per cent, respectively. Furthermore, the Manufacture of furniture experienced a surge of 13.1 per cent during the month. The year-on-year expansion mirrored the country's manufactured goods export performance, which expanded by 7.1 per cent in April 2024 (March 2024: 0.6%). On a month-on-month comparison, the export-oriented industries fell by 11.6 per cent as compared to 11.0 per cent growth in March 2024.

Additionally, the domestic-oriented industries continued to expand by registering 9.5 per cent as compared to 3.1 per cent in March 2024. The increase in domestic-oriented industries was primarily spurred by a remarkable growth of 20.2 per cent in the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers; the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (12.8%); and the Manufacture of other non-metallic mineral products (11.2%). In comparison to the preceding month, the domestic-oriented industries decreased by 1.3 per cent (March 2024: 1.9%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “The surge of 10.0 per cent in the Mining sector in April 2024 was steered by double-digit growth of 14.9 per cent in Natural Gas production (March 2024: 8.9%), while Crude Oil & Condensate output rebounded by 3.5 per cent (March 2024: -0.7%). As compared to March 2024, the Mining index edged downward by 6.3 per cent after experiencing a positive growth of 5.3 per cent in the preceding month. In the meantime, the generation of Electricity rose by 7.6 per cent year-on-year in April 2024 (March 2024: 8.5%). On a month-on-month basis, the Electricity index declined by 4.1 per cent, as compared to the positive 11.2 per cent recorded in March 2024.”

On a global scale, the IPI for several countries ascended in April 2024, including China, South Korea, Vietnam, and Thailand, with robust growth seen in Taiwan. Conversely, Japan and Singapore continued experiencing a declining trend, albeit with a smaller negative rate in April 2024, while the United States turned downward to a slight drop.


Summarising the IPI performance for the period of January - April 2024, the Chief Statistician said, “The IPI improved by 3.9 per cent as compared to 1.3 per cent recorded in the same period of the previous year. During the period, all sectors posted an expansion, namely the Mining index (6.9%); Manufacturing index (2.8%); and Electricity index (8.8%).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
April 2023 – April 2024**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
April 2023 – April 2024**



**Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia,
March 2024 and April 2024**







Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, April 2023 – April 2024



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,
March 2024 and April 2024**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
March 2024 and April 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 JUNE 2024**